

Israk & Mikraj adalah peristiwa yang melibatkan pengalaman roh dan jasad Baginda Rasulullah SAW yang ” diperjalankan ” oleh Allah SWT merentas wilayah, bangsa, zaman dan alam zahir dan ghaib. Ia juga merupakan modul teladan pembinaan Insan Kamil atau hamba dan khalifah Allah yang sempurna di dunia.

bahawa Allah menjadikan apa yang diperlihatkan kepada Nabi SAW daripada perkara dan peristiwa yang pelik dan ajaib pada malam Israk dan Mikraj adalah sebagai satu ujian kepada orang ramai.

Ini kerana, ada di antara yang tidak langsung mempercayai apa yang dikhabarkan oleh Nabi SAW. Ada yang mengatakan bahawa ianya tidak mungkin berlaku. Mereka mengatakan juga bagaimana mungkin Baginda SAW solat di Baitul Maqdis dan pergi ke tujuh tingkatan langit serta melihat keseluruhannya pada satu malam sahaja kemudian pada waktu pagi berada di Mekah. Inilah satu ujian kepada mereka yang ragu-ragu. (Rujuk Adwa' Al-Bayan Fi Idhah Al-Quran Bi Al-Quran, 3/236).

“Penganugerahan ibadah Solat di malam Israk Mikraj adalah suatu model interaksi Cinta rohani, emosi, akal dan jasad kepada Allah SWT dan kesan kasih sayang kepada sesama makhluk,

Jadi semua ini memerlukan penghayatan holistik Israk Mikraj dan praktis secara amali seluruh modul asuhan yang dicerap dari semua peristiwanya supaya membawa perubahan baik pada individu, komuniti dan seluruh rakyat Malaysia,

Adakah isra' dan mi'raj berlaku dengan roh dan jasad Rasulullah S.A.W atau hanya secara roh sahaja ?

Dalam isu ini, tidak dapat dinafikan bahawa terdapat beberapa pandangan para ulama yang berbeza di antara satu sama lain. Sebahagian mereka berpendapat bahawa Rasulullah S.A.W diperjalankan daripada Masjid al-Haram menuju ke Masjid al-Aqsa adalah dengan roh sahaja dan bukannya dengan jasad baginda. Manakala pendapat lain pula menyatakan bahawa baginda S.A.W diperjalankan oleh Allah S.W.T dengan roh dan juga jasad. Di antara ayat yang menjadi fokus perbincangan di dalam isu ini adalah firman Allah S.W.T:

سُبْحَانَ الَّذِي أَسْرَى بِعَبْدِهِ لَيْلًا مِنَ الْمَسْجِدِ الْحَرَامِ إِلَى الْمَسْجِدِ  
الْأَقْصَى الَّذِي بَارَكْنَا حَوْلَهُ لِنُرِيَهُ مِنْ آيَاتِنَا إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْبَصِيرُ

Maksudnya: *Maha suci zat yang telah memperjalankan hamba-Nya pada suatu malam daripada Masjid al-Haram ke Masjid al-Aqsa yang telah Kami berkati kawasan sekelilingnya, untuk Kami tunjukkan kepadanya sebahagian daripada tanda-tanda kebesaran Kami, sesungguhnya Dia adalah Tuhan yang Maha Mendengar lagi Maha Melihat.*

Surah Al-Isra'(1)

Ketika menafsirkan ayat ini, Imam Al-Thabari *Rahimahullah* berkata: Para ulama berbeza pendapat berkenaan sifat (cara-cara) Allah S.W.T memperjalankan Nabi-Nya S.A.W daripada Masjidil Haram ke Masjid al-Aqsa. Sebahagian mereka berkata: Allah memperjalankan baginda dengan jasadnya. Maka Nabi S.A.W diperjalankan pada satu malam dan baginda berada di atas buraq daripada Baitullah al-Haram menuju ke Al-Aqsa sehinggalah baginda sampai ke sana. Lalu Allah menunjukkan kepada baginda apa yang dikehendaki dari sudut keajaiban-keajaiban perintah-Nya di samping keagungan dan kebesaran kerajaan-Nya. Kemudian baginda berkumpul di sana bersama dengan para Nabi, dan solat bersama mereka di sana. Kemudian Nabi dinaikkan ke atas langit sehingga ke langit yang ketujuh. Kemudian Allah mewahyukan kepada baginda di sana, dengan kadar yang Dia kehendaki dan seterusnya baginda pulang semula ke masjid al-haram pada malam yang sama dan baginda solat subuh di sana.

Sesungguhnya Allah S.W.T memperjalankan hambanya Muhammad S.A.W daripada Masjid al-Haram ke Masjid al-Aqsa sebagaimana yang telah Allah khabarkan kepada para hamba-Nya. Dan sebagaimana yang telah jelas perkhabaran-perkhabaran daripada Nabi S.A.W, bahawasanya Allah S.W.T meletakkan baginda di atas buraq sehinggalah Nabi sampai dengan menaikinya serta solat di sana (Masjid al-Aqsa) bersama-sama dengan para Nabi dan Rasul, serta Allah S.W.T menunjukkan kepadanya tanda-tanda kebesaran-Nya. Maka tiada makna bagi golongan yang berpendapat: Nabi diperjalankan dengan rohnya dan bukan dengan jasadnya. Ini kerana, sekiranya keadaannya sedemikian rupa, sudah tentu perkara tersebut tidak menjadi suatu dalil kenabiannya serta tidak ada hujah ke atas kerasulan baginda. Maka Allah S.W.T apabila mengkhabarkan di dalam al-Quran bahawa Dia memperjalankan hamba-Nya, dan Dia tidak menyatakan yang Dia memperjalankan roh hamba-Nya. Maka tidak boleh untuk seseorang itu untuk berlebih-lebih terhadap apa yang dikatakan oleh Allah kepada pendapat lainnya. Lihat ***Tafsir al-Thabari, Ibn Jarir (17/328)***.

Demikian juga Imam al-Thabari berpendapat bahawa dalil-dalil yang sahih telah jelas menunjukkan bahawa baginda Rasulullah S.A.W

diperjalankan di atas haiwan yang dinamakan sebagai *buraq*. Sekiranya *isra'* itu berlaku dengan roh baginda, nescayalah roh tidak dipikul di atas *buraq*. Ini kerana, haiwan tidak menanggung selain daripada jisim.

Berkenaan perjalanan Nabi S.A.W dengan menaiki *buraq* tersebut, hal ini dinyatakan di dalam sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Anas bin Malik R.ah bahawa Rasulullah S.A.W bersabda:

ثُمَّ أُتَيْتُ بِدَابَّةٍ أَبْيَضَ لَهَا الْبُرَاقُ فَوْقَ الْحِمَارِ وَدُونَ الْبَعْلِ

Maksudnya: *Kemudian aku didatangkan dengan seekor haiwan yang berwarna putih yang dinamakan sebagai al-buraq. Bentuknya lebih tinggi berbanding keldai dan rendah sedikit berbanding baghal.*

Hal ini jelas menunjukkan bahawa baginda melihat dengan jelas warna, bentuk, dan keadaan haiwan yang didatangkan kepada baginda. Kemudian baginda S.A.W menceritakan bahawa baginda dibawa naik ke atas belakang haiwan tersebut dengan sabdanya:

فَحَمَلْتُ عَلَيْهِ ثُمَّ انْطَلَقْنَا حَتَّى أَتَيْنَا السَّمَاءَ الدُّنْيَا

Maksudnya: *Aku dibawa naik ke atasnya (Buraq) kemudian kami pun bertolak sehinggalah kami sampai ke langit dunia.*

Riwayat Muslim (164)

Sebagaimana yang dinyatakan oleh Imam al-Thabari sebelum ini, perkataan menaiki dan duduk di atas sesuatu itu jelas menunjukkan yang ia berlaku dengan jasad dan bukannya dengan roh sahaja. Inilah juga pendapat yang dipersetujui oleh Imam Al-Nawawi Rahimahullah apabila mensyarahkan hadis ini. Beliau menukilkan pendapat daripada Imam al-Qadhi 'Iyadh Rahimahullah yang berkata: Para ulama berbeza pendapat berkenaan isu *isra'* Rasulullah S.A.W. Maka dikatakan bahawa: Keseluruhan peristiwa itu berlaku di dalam mimpi.

Kebenarannya, yang dipegang oleh majoriti manusia, kebanyakan para salaf, serta ramai dari kalangan para fuqaha, ahli hadis, dan para mutakallimin bahawa baginda S.A.W diperjalankan dengan jasadnya. Athar-athar jelas menunjukkan kepada perkara ini bagi sesiapa yang meneliti dan mengkajinya. Dan adalah tidak boleh untuk mengalih hal ini daripada zahirnya. Bahkan tiada kemustahilan untuk ia berlaku sehingga memerlukan kepada takwil. Lihat ***Al-Minhaj Syarah Sahih Muslim, Al-Nawawi (2/357)***.

Keputusan:

**bahawa kejadian isra' (perjalanan) Rasulullah S.A.W daripada Masjidil Haram ke Masjid al-Aqsa itu berlaku dengan roh dan jasad baginda S.A.W.** Ini dengan mengambil kira penelitian yang dilakukan terhadap nas ilahi di samping hadis-hadis yang sahih lagi jelas yang menyatakan hal tersebut.

---

Jarak Masjidil Haram (Mekah) ke Masjidil Aqsa (Palestine) lebih kurang 1200km.

Kalau naik flight 2 jam.

Kalau naik kereta 16 jam.

Kalau zaman dulu naik unta jadi berapa jam? 100 jam atau mungkin lebih?

Zaman sekarang kita rasa logik lah naik flight pergi balik dalam 1 malam. Zaman dulu? Memang tak logik.

Itu belum kira perjalanan Mikraj Nabi SAW naik ke langit ke-7 dan turun balik.

Itulah kekuasaan dan kebesaran Allah dalam menjadikan sesuatu yang mustahil pada akal manusia. Kisah Isra' Mi'raj ni terlalu banyak pengajaran yang kita boleh dapat.

Asalkan kita faham ia adalah peristiwa yang sangat penting dalam menanam Aqidah, Iman dan Taqwa yang lebih padu sebagai seorang Muslim.

---

Israk & Mikraj ini adalah satu peristiwa atau insiden yang mengajar kita memupuk cinta yang mutlak kepada Allah SWT dan Rasulullah

SAW melebihi akal. Ia bukan perkara yang memerlukan kepada hanya dalil,”

di dalam peristiwa Israk dan Mikraj itu terzahirnya manifestasi cinta Allah SWT kepada Nabi Muhammad SAW dan cintanya Rasulullah SAW kepada Allah SWT begitu juga cintanya orang seperti Saidina Abu Bakar As Siddiq r.a yang sanggup menggadai nyawa kerana Rasulullah SAW. Peristiwa ini adalah soal cinta bukan hanya soal riwayat atau sejarah.

Beliau berkata, pada peristiwa itu ramai yang bertanya kepada Saidina Abu Bakar benarkah perkara ini berlaku? Saidina Abu Bakar tanpa sedikit keraguan pun menjawab beliau akan percaya lebih daripada itu kalau Rasulullah SAW yang katakan, kerana apa? Tak lain hanyalah kerana kecintaan beliau kepada Baginda Rasulullah SAW, itu sahaja

“Jadi jika ditanya apakah signifikan peristiwa Israk Mikraj sebagai panduan dan amalan rakyat Malaysia maka tak lain perlulah memupuk cinta kepada Rasulullah SAW bukanlah dengan akal saja untuk percaya sebuah kisah,

---

Saya ada terdengar dari seorang hamba Allah yang sebut bahawa kisah israk mikraj ni sebenarnya palsu. Dia kata kisah ini palsu sebab menzahirkan kelemahan Nabi SAW. Dia kata bayangkan kenapa Nabi SAW nak kena ikut kata Nabi Musa sampai dikurangkan jumlah solat dari 50 menjadi 5. Jalankan sahajalah apa yang diperintahkan. Tidak seperti Nabi Ibrahim yang apabila diperintahkan untuk sembelih anaknya, dia dan anaknya terus lakukan tanpa banyak mempersoalkan dan minta pengurangan daripada Allah. Ini yang dia kata. Dia sebut lagi selama ni ustaz-ustaz dan ulama-ulama salah bila cerita pasal israk mikraj. Mohon pencerahan dari ustaz. Saya ini ilmu agama tidak banyak sangat nak jawab apa yang dia sebut tu. Terima kasih ustaz.

Di antara sifat orang yang beriman adalah mengakui dan mempercayai perkara-perkara yang ghaib. Ini berdasarkan firman Allah :

الَّذِينَ يُؤْمِنُونَ بِالْغَيْبِ وَيُؤْتُونَ الصَّدَاقَاتِ وَهُمْ لَا يَنْفِقُونَ

Maksudnya : *“Iaitu orang-orang yang beriman kepada perkara-perkara yang ghaib, dan mendirikan (mengerjakan) sembahyang serta membelanjakan (mendermakan) sebahagian dari rezeki yang Kami berikan kepada mereka.”*

(Surah Al-Baqarah : 3)

Perkara-perkara ghaib seperti syurga, neraka, hari akhirat dan sebagainya mestilah pengkhabarannya melalui Al-Quran ataupun hadis-hadis Nabi SAW yang sahih. Ianya tidak boleh dihayatikan atau disebutkan tanpa disandarkan kepada dua sumber tersebut. Apa-apa cerita atau pengkhabaran tentang perkara yang ghaib yang tidak ada sandarannya sama ada di dalam Al-Quran atau hadis maka ianya dianggap sebagai pengkhabaran yang palsu dan tidak berasas.

Di antara peristiwa yang sering terjadi perdebatan adalah peristiwa Isra' dan Mikraj. Pada asasnya, peristiwa Isra' dan Mi'raj diceritakan oleh Allah SWT di dalam Al-Quran. Peristiwa ini bukan sahaja berlaku dengan roh Nabi SAW semata-mata seperti mana yang didakwa oleh sebahagian pihak, namun ia juga berlaku pada roh dan jasad Firman Allah :

سُبْحَانَ الَّذِي أَسْرَى بِعَبْدِهِ لَيْلًا مِّنَ الْمَسْجِدِ الْحَرَامِ إِلَى الْمَسْجِدِ الْأَقْصَا الَّذِي بَارَكْنَا  
حَوْلَهُ لِنُرِيَهُ مِنْ آيَاتِنَا إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْبَصِيرُ

Maksudnya : *“Maha Suci Allah yang telah menjalankan hambaNya (Muhammad) pada malam hari dari Masjid Al-Haraam (di Makkah) ke Masjid Al-Aqsa (di Palestin), yang Kami berkati sekelilingnya, untuk memperlihatkan kepadanya tanda-tanda (kekuasaan dan kebesaran) Kami. Sesungguhnya Allah jualah yang Maha Mendengar, lagi Maha Mengetahui.”*

(Surah Al-Isra' : 1)

Imam Al-Tabari menyebut di dalam tafsirnya menyebut tentang pandangan-pandangan bagaimana sifat Israk dan Mi'raj Nabi SAW. Ada yang menyebut bahawa israk dan mikraj Nabi SAW berlaku dengan roh dan jasad. Ada juga yang berpandangan bahawa peristiwa Israk dan Mi'raj berlaku hanya dengan roh.

Imam Al-Tabari memilih pandangan bahawa Israk dan Mi'raj berlaku dengan jasad dan roh Nabi SAW. Beliau berkata, sesungguhnya Allah SWT memperjalankan hambanya iaitu Nabi Muhammad SAW daripada Masjidil Haram menuju ke Masjidil Aqsa seperti mana yang telah diberitahu oleh Allah dan apa yang zahir yang telah disebutkan oleh Nabi SAW. Allah SWT memperjalankan Nabi dengan menyediakan Buraq dan solat di mana tempat para Nabi dan Rasul terdahulu solat. Baginda SAW juga melihat beberapa tanda-tanda kebesaran. Oleh kerana itu, tidak benar jika ada yang mengatakan bahawa perjalanan Israk dan Mi'raj hanya berlaku dengan roh.

Bahkan yang benar perjalanan tersebut berlaku dengan roh dan juga jasad. Jika perjalanan tersebut hanya berlaku dengan roh sahaja sudah pasti ianya tidak akan menjadi dalil akan kenabian dan kerasulan Nabi SAW. Bahkan tidak mungkin menjadi hujah bagi risalah yang dibawa oleh Baginda. (Rujuk **Jami' Al-Bayan Fi Ta'wil Ayi Al-Quran**, 4/446).

Sheikh Tohir Bin 'Asyur menyebut bahawa perjalanan Israk dan Mi'raj adalah merupakan peristiwa yang mencarik adat (satu mukjizat) yang mana perjalanannya dari awal sehinggalah akhir hanya memakan masa sebahagian malam. (Rujuk **Tahrir Al-Ma'na Al-Sadid Wa Tanwir Al-'Aql Al-Jadid Fi Tafsir Al-Quran Al-Majid**, 14/10).

Bahkan peristiwa ini adalah merupakan satu ujian kepada orang yang mengaku beriman kepada Nabi SAW. Sama ada mereka betul-betul beriman ataupun tidak. Ini dinyatakan oleh Allah SWT :

وَمَا جَعَلْنَا الرُّءْيَا الَّتِي آرَيْنَاكَ إِلَّا فِتْنَةً لِّلنَّاسِ وَالشَّجَرَةَ الْمَلْعُونَةَ فِي الْقُرْءَانِ  
وَنُحُورُهُمْ فَمَا يَزِيدُهُمْ إِلَّا طُغْيَانًا كَبِيرًا

Maksudnya : *“Dan tiadalah Kami menjadikan pandangan (pada malam Mikraj) yang telah kami perlihatkan kepadamu melainkan sebagai satu ujian bagi manusia; dan (demikian juga Kami jadikan) pokok yang dilaknat di dalam Al-Quran; dan Kami beri mereka takut (dengan berbagai-bagai amaran) maka semuanya itu tidak menambahkan mereka melainkan dengan kekufuran yang melampau.”*

Surah Al-Isra' : 60

Sheikh Amin Al-Syanqiti menyebut bahawa Allah menjadikan apa yang diperlihatkan kepada Nabi SAW daripada perkara dan peristiwa yang pelik dan ajaib pada malam Israk dan Mi'raj adalah sebagai satu ujian kepada orang ramai. Ini kerana ada di antara yang tidak langsung mempercayai apa yang dikhabarkan oleh Nabi SAW. Ada yang mengatakan bahawa ianya tidak mungkin berlaku. Mereka mengatakan juga bagaiman mungkin Baginda solat di Baitul Maqdis dan pergi ke tujuh tingkatan langit serta melihat keseluruhannya pada satu malam sahaja kemudian pada waktu pagi berada di Mekah. Inilah satu ujian kepada mereka yang ragu-ragu. (Rujuk **Adwa' Al-Bayan Fi Idhah Al-Quran Bi Al-Quran**, 3/236).

Tambahan pula, kisah peristiwa Israk dan Mi'raj adalah kisah yang mutawatir yang tidak boleh disangkal lagi. Sheikh Amin Al-Syanqiti menyebut peristiwa berkenaan Israk dan Mi'raj adalah kisah yang mutawatir. (Rujuk **Adwa' A-Bayan Fi Idhah Al-Quran Bi Al-Quran**, 3/101). Ini bermakna sesiapa yang menyangkal peristiwa ini dia termasuk di dalam orang yang kufur. Bahkan Allah SWT menyangkal orang yang menafikan peristiwa ini. Firman Allah SWT :

أَفْتَمَارُونَهُ عَلَى مَا يَرَى

Maksudnya : “Jika demikian, patutkah kamu hendak membantahnya mengenai apa yang telah dilihatnya itu?”

(Surah Al-Najm : 12)

Justeru itu, peristiwa Israk dan Mi'raj bukannya cerita dongeng semata, jauh sekali jika mengatakan ia peristiwa yang palsu dan direka-reka. Ianya disebutkan dan diisyaratkan di dalam Al-Quran. Tinggal lagi bagi kita adalah mengetahui kisah-kisah yang sah tentang apa yang berlaku di sepanjang peristiwa Israk dan Mi'raj.

Kisah Israk dan Mi'raj Nabi SAW juga diceritakan di dalam hadis yang panjang. Ianya diriwayatkan dalam beberapa kitab hadis yang muktabar. Di antaranya Sahih Al-Bukhari daripada Anas Bin Malik (3887), Musnad Imam Ahmad (12504) daripada Anas Bin Malik dan Dalail Al-Nubuwwah oleh Imam Al-Baihaqi (2/384). Dan ada juga terdapat di dalam beberapa sumber sukunder (المصدر الفرعي) yang merujuk juga kepada sumber-sumber tersebut.

Di antara peristiwa penting yang berlaku di dalam Israk dan Mi'raj ialah perintah solat secara khusus. Kisah ini diceritakan di dalam hadis sahih berkenaan Israk Mi'raj yang panjang. Kata Anas Bin Malik bahawa ketika Nabi SAW menceritakan tentang peristiwa isra' dan mi'raj, Baginda menyebut juga :

ثُمَّ فُرِضَتْ عَلَيَّ الصَّلَوَاتُ (الصَّلَاةُ) خَمْسِينَ صَلَاةً كُلَّ يَوْمٍ فَرَجَعْتُ فَمَرَرْتُ عَلَى مُوسَى فَقَالَ بِمَ (بِمَا) أُمِرْتُ قَالَ أُمِرْتُ بِخَمْسِينَ صَلَاةً كُلَّ يَوْمٍ قَالَ إِنَّ أُمَّتَكَ لَا تَسْتَطِيعُ خَمْسِينَ صَلَاةً كُلَّ يَوْمٍ وَإِنِّي وَاللَّهِ قَدْ جَرَّبْتُ النَّاسَ قَبْلَكَ وَعَالَجْتُ بَنِي إِسْرَائِيلَ أَشَدَّ الْمُعَالَجَةِ فَارْجِعْ إِلَيَّ رَبِّكَ فَاسْأَلْهُ التَّخْوِيفَ لِأُمَّتِكَ فَرَجَعْتُ فَوَضَعَ عَنِّي عَشْرًا فَرَجَعْتُ إِلَى مُوسَى فَقَالَ مِثْلَهُ فَرَجَعْتُ فَوَضَعَ عَنِّي عَشْرًا فَرَجَعْتُ إِلَى مُوسَى فَقَالَ مِثْلَهُ فَرَجَعْتُ فَوَضَعَ عَنِّي عَشْرًا فَرَجَعْتُ إِلَى مُوسَى فَقَالَ مِثْلَهُ فَرَجَعْتُ فَأَمَرْتُ بِعَشْرِ صَلَوَاتٍ كُلَّ يَوْمٍ فَرَجَعْتُ فَقَالَ مِثْلَهُ فَرَجَعْتُ فَأَمَرْتُ بِخَمْسِ صَلَوَاتٍ كُلَّ يَوْمٍ فَرَجَعْتُ إِلَى مُوسَى فَقَالَ بِمَ (بِمَا) أُمِرْتُ فَلْتِ أُمِرْتُ بِخَمْسِ صَلَوَاتٍ كُلَّ يَوْمٍ قَالَ إِنَّ أُمَّتَكَ لَا تَسْتَطِيعُ خَمْسَ صَلَوَاتٍ كُلَّ يَوْمٍ وَإِنِّي قَدْ جَرَّبْتُ النَّاسَ قَبْلَكَ وَعَالَجْتُ بَنِي إِسْرَائِيلَ أَشَدَّ الْمُعَالَجَةِ فَارْجِعْ إِلَيَّ رَبِّكَ فَاسْأَلْهُ التَّخْوِيفَ لِأُمَّتِكَ قَالَ سَأَلْتُ رَبِّي حَتَّى اسْتَحْيَيْتُ وَلَكِنِّي (وَلَكِنْ) أَرْضَى وَأَسْلِمُ قَالَ فَلَمَّا جَاوَزْتُ نَادَى مُنَادٍ أَمْضَيْتُ فَرِيضَتِي وَحَقَّقْتُ عَنْ عِبَادِي

Maksudnya : “ Kemudian diwajibkan ke atas aku 50 kali solat setiap waktu. Maka aku kembali dan melepasi Musa. Maka Nabi Musa bertanya apa yang telah diperintahkan terhadap engkau?. Nabi SAW menjawab : Aku diperintahkan dengan 50 kali solat pada setiap hari. Kata Nabi Musa : Sesungguhnya umat engkau tidak akan mampu untuk melakukan 50 kali solat pada setiap hari. Aku telah cuba pada orang sebelum engkau dan aku telah cuba dengan semaksimum mungkin pada Bani Israil. Kembalilah semula pada Allah dan minta keringanan daripada-Nya untuk umatmu. Kata Nabi SAW : Maka aku kembali lalu Allah kurangkan sepuluh daripada jumlah yang diberikan. Nabi SAW menyebut : Lalu aku kembali kepada Nabi



*Musa dan Baginda sebut perkara yang sama. Lalu aku kembali kepada Allah dan Dia mengurangkan sepuluh lagi. Lalu aku kembali kepada Nabi Musa dan Baginda menyebutkan lagi perkara yang sama. Lalu aku kembali lagi kepada Allah dan Dia mengurangkan lagi sepuluh. Aku kembali kepada Nabi Musa dan Baginda menyebutkan perkara yang sama. Lalu aku kembali semula kepada Allah dan aku diperintahkan dengan 10 kali solat setiap hari. Aku kembali lagi dan Nabi Musa menyebut perkara yang sama. Aku kembali menemui Allah dan aku diperintahkan dengan solat 5 kali pada setiap hari. Maka aku kembali kepada Nabi Musa. Nabi Musa berkata : Wahai Muhammad, engkau diperintahkan dengan apa?. Kata Nabi SAW : Aku diperintahkan dengan solat 5 kali setiap hari. Nabi Musa berkata: Sesungguhnya umat engkau tidak akan mampu untuk melakukan 5 kali solat setiap hari. Aku telah cuba pada orang sebelum engkau dan aku telah cuba untuk melakukannya pada Bani Israil semaksimum mungkin. Kembalilah kepada Allah dan mintalah keringanan daripada-Nya untuk umatmu. Nabi SAW bersabda : Aku telah minta sehingga aku menjadi malu untuk meminta kurang akan tetapi aku redha dan aku berserah. Apabila aku berlalu ada suara yang menyeru : Aku telah jalankan kewajipanku dan Aku telah kurangkan bebanan hamba-Ku.”*

Riwayat Al-Bukhari (3887)

Potongan daripada hadis yang panjang ini menjelaskan bagaimana perintah solat 5 waktu sehari semalam diwajibkan. Pada zahirnya kisah ini seakan-akan menampakkan kelemahan Nabi SAW kerana tidak menjalankan terus apa yang telah diperintahkan. Di tambah pula Baginda terus merujuk kepada Nabi Musa. Tidak seperti Nabi Ibrahim dan anaknya yang tidak banyak mempersoalkan apatahlagi meminta pengurangan daripada perintah yang telah ditetapkan seperti mana dakwaan sesetengah pihak lalu menjadikan alasan ini untuk memalsukan kisah berkenaan Israk dan Mi'raj.

Namun begitu, dakwaan yang dilakukan oleh sebahagian pihak tersebut adalah satu dakwaan yang mengarut.

Pada hakikatnya, dilakukan oleh Nabi SAW menzahirkan sifat rahmat dan belas kasihan Nabi SAW kerana tidak mahu melihat umat Baginda terbeban. Bahkan Baginda SAW merujuk kepada Nabi Musa adalah kerana disebabkan perintah solat juga turun secara khusus kepada Bani Israil. Perkara ini disebutkan oleh Al-Qurtubi sepertimana yang dinukilkan oleh Al-Hafiz Ibnu Hajar Al-Asqalani. Al-Qurtubi menyebut :

*“Di antara hikmah mengapa Nabi SAW merujuk kepada Nabi Musa adalah berkemungkinan umat Nabi Musa juga ditaklifkan dengan perintah solat yang mana ianya tidak diperintahkan kepada umat sebelumnya. Yang mana perintah tersebut dilihat berat untuk dilakukan oleh umat Nabi Musa. Oleh kerana itu, Nabi Musa memberikan pandangan atas dasar belas kasihan terhadap umat*

*Nabi Muhammad SAW. Isyarat ini boleh dilihat melalui kata Nabi Musa ‘aku telah cuba untuk umatku’. (Rujuk **Fath Al-Bari Syarh Sahih Al-Bukhari**, 7/202).*

Maka ini jelas menunjukkan bahawa bukannya Nabi SAW tidak mahu melaksanakan terus perintah Allah. Tambahan pula, kesemua para Nabi dan Rasul adalah orang yang pertama sekali melaksanakan apa juga perintah Allah SWT. Akan tetapi isyarat daripada apa yang dilakukan Nabi adalah satu rahmat dan mengambil kira kemampuan umatnya untuk menjalankan apa yang telah diwajibkan oleh Allah SWT. Jika umat Nabi Musa pun tidak mampu untuk menggalas kewajipan tersebut apatah lagi umat Nabi SAW. Perkara ini sudah semestinya akan membawa kepada kecuaihan bahkan lebih teruk daripada itu meninggalkan terus perintah solat. Oleh kerana itu, Nabi SAW mengambil kira apa yang telah diperkatakan oleh Nabi Musa sebagai satu cara supaya umatnya dapat terus melaksanakan solat dan taat akan perintah Allah.

Dari satu sudut yang lain, tidakkah ini menunjukkan hikmah daripada Allah bahawa pengurangan solat sehingga menjadi 5 waktu menjadikan agama ini mudah untuk diamalkan. Ini bertepatan dengan apa yang telah Allah SWT jelaskan di dalam Al-Quran :

مَا يُرِيدُ اللَّهُ لِيَجْعَلَ عَلَيْكُمْ مِنْ حَرَجٍ

Maksudnya : “Allah tidak mahu menjadikan kamu menanggung sesuatu kesusahan (kepayahan)”

(Surah Al-Maidah : 6)

Di dalam ayat yang lain Allah SWT berfirman :

وَمَا جَعَلَ عَلَيْكُمْ فِي الدِّينِ مِنْ حَرَجٍ

Maksudnya : “Dan Ia tidak menjadikan kamu menanggung sesuatu keberatan dan susah payah dalam perkara agama.”

(Surah Al-Hajj : 78)

Perkara ini dikuatkan lagi di dalam ayat yang lain. Firman Allah :

يُرِيدُ اللَّهُ بِكُمُ الْيُسْرَ وَلَا يُرِيدُ بِكُمُ الْعُسْرَ

Maksudnya : “Allah menghendaki kamu beroleh kemudahan, dan Ia tidak menghendaki kamu menanggung kesukaran.”

(Surah Al-Baqarah : 185)

Inilah di antara hikmah yang Allah SWT ingin tonjolkan iaitu menjadikan agama ini mudah untuk diamalkan dan tidak memberatkan. Bahkan menonjolkan sifat agama ini yang sentiasa

menyenangkan bukan menyusahkan. Bayangkan jika solat 50 waktu dilaksanakan, sudah pasti akan mewujudkan perasaan yang berat di kalangan umat Islam dan menyebabkan adanya kecuaian terhadap perintah-perintah lain khususnya mengimarahkan bumi. Pengurangan sehingga menjadi 5 kali solat setiap hari menjadikan umat Islam lebih produktif dan tidak ada alasan lagi untuk tidak melaksanakan perintah solat.

Kesimpulannya, dakwaan mengatakan bahawa kisah Israk dan Mi'raj palsu adalah disebabkan kisah tersebut menonjolkan kelemahan Nabi SAW adalah satu dakwaan yang mengarut dan tersasar dari hakikat sebenar. Ia adalah kisah yang mutawatir yang tidak boleh diinkari. Kisah Isra' dan mi'raj khususnya berkenaan pengurangan daripada 50 kali solat kepada 5 kali solat setiap hari menzahirkan kehendak Allah SWT agar agama ini khususnya solat yang menjadi tiang agama mudah untuk diamalkan bukannya menyusahkan sehingga dicuainya.

## FOKUS ISRA' DAN MIKRAJ

### SOLAT

NAK IKUT PERJALANAN NABI BAGI MENZAHIRKAN RASA CINTA

CONTOH :

NABI IBRAHIM DIPERINTAH SEMBELIH ANAKNYA

Nabi Ibrahim AS adalah antara 25 Nabi yang wajib diimani oleh setiap muslim. Kisah Nabi Ibrahim AS juga perlu diketahui oleh umat Islam. Justeru di sini Suara.com membentangkan kisah Nabi Ibrahim AS bermula dari zaman kanak-kanak hingga perjuangannya bersama Raja Namrud.

Nabi Ibrahim AS adalah seorang ulul azmi iaitu segolongan nabi yang luar biasa ketabahannya dalam memperjuangkan dakwahnya. Para rasul yang termasuk dalam ulul azmi ialah Nabi Nuh AS, Nabi Ibrahim AS, Nabi Musa AS, Nabi Isa AS, dan Nabi Muhammad SAW.

Kisah Nabi Ibrahim AS terkenal dalam peristiwa pengorbanan anaknya, Nabi Ismail AS sebagai bentuk kecintaan dan ketaqwaan kepada Allah SWT.

Nabi Ibrahim AS dilahirkan di kota Ur di wilayah Mesopotamia yang kini dikenali sebagai Iraq sekitar tahun 2295 SM. Beliau dilahirkan pada pertengahan zaman jahiliyah apabila banyak patung dibuat untuk disembah.

Pada zamannya ada seorang pemerintah yang mengaku sebagai Tuhan bernama Raja Namrud. Raja Namrud adalah seorang pemerintah Babylon yang bangga dan ramai rakyatnya percaya bahawa Raja Namrud adalah Tuhan.

Raja Namrud pernah bermimpi bahawa ada seorang kanak-kanak yang boleh menghancurkan dan menggulingkannya. Dia juga membuat dasar untuk membunuh semua bayi lelaki yang dilahirkan. Tetapi ibu bapa Nabi Ibrahim AS menyembunyikan anaknya di dalam sebuah gua.

Di bumi Nabi Ibrahim AS, seluruh masyarakat menyembah berhala, menyembah matahari, bulan dan bintang yang membuatkan Nabi Ibrahim AS mempunyai banyak persoalan tentang siapakah yang mencipta alam ini. Dia pun termenung dan mencari siapa Tuhan yang berhak disembah.

Ketika dewasa, Nabi Ibrahim AS berhadapan dengan Raja Namrud yang mengaku dirinya Tuhan. Sebelum itu, Nabi Ibrahim AS memusnahkan semua berhala di kawasan Raja Namrud.

---

## BERKONGSI SATU BAHAGIAN KORBAN

05 OGOS 2016 JUMLAH PAPARAN: 68477

**AL-KAFI LI AL-FATAWI : SOALAN 351 (5 OGOS 2016 M / 2 ZULKAEDAH 1437 H)**

**SOALAN:**

Apakah hukum 1 bahagian dari 7 bahagian korban dikongsi oleh lebih dari seorang untuk menampung kos untuk 1 bahagian korban? Contoh 1 bahagian lembu korban berharga RM600. Kemudian 3 orang adik-beradik berkongsi bahagian tersebut dengan masing-masing membayar RM200 bagi membayar 1 bahagian korban.

**JAWAPAN:**

Di dalam Kitab al-Iqna' (2/588) oleh al-Imam Muhammad al-Syarbini al-Khatib, ada menyebut:

“Hukumnya ialah sunat muakkad yang dianggap benar di sisi kami (Syafieyyah) secara sunat kifayah, (yakni) jika ramai ahli dalam sebuah rumah itu maka jika dilaksanakan korban seseorang daripada mereka, maka mamadailah (pahala korban) daripada sekalian lainnya. Jika hanya seorang sahaja, maka jadilah sunat ain”

Seterusnya penulis juga menyebut keharusan bersekutu dalam melaksanakan korban daripada seekor haiwan badanah (unta dan lembu) sebanyak tujuh orang berpandukan hadis Jabir RA:

خَرَجْنَا مَعَ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ مُهَلِّينَ بِالْحَجِّ: «فَأَمَرَنَا رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَنْ نَشْتَرِكَ فِي الْإِبِلِ وَالْبَقَرِ، كُلُّ سَبْعَةٍ مِثْلًا فِي بَدَنَةٍ

Maksudnya: Kami keluar bersama Rasulullah SAW dalam keadaan berihram haji lalu Baginda menyuruh kami bersekutu dalam menyembelih korban unta dan lembu, tujuh bahagian korban dibahagi tujuh orang.

Hadis riwayat Imam Muslim (1318)

Ulama juga berbincang tentang perkongsian dalam satu bahagian. Misalnya, seseorang itu berkorban seekor kambing untuk dirinya, untuk keluarganya, dan orang lain.

Dalam sebuah hadis Aisyah R.anha yang diriwayatkan oleh Imam Muslim (no. 1967) dalam Sahihnya, bahawa Rasulullah SAW berkorban dua ekor kibasy dan bersabda:

بِاسْمِ اللَّهِ، اللَّهُمَّ تَقَبَّلْ مِنْ مُحَمَّدٍ، وَآلِ مُحَمَّدٍ، وَمِنْ أُمَّةِ مُحَمَّدٍ

Maksudnya: Dengan nama Allah. Ya Allah! Terimalah (korban ini) daripada Muhammad, keluarga Muhammad, dan daripada umat Muhammad.

Berkata Imam al-Nawawi:

“Ulama berpandukan hadis ini bagi membenarkan ibadah korban seseorang itu bagi dirinya dan keluarganya, dan pahala itu dikongsi oleh dirinya dan ahli rumahnya. Inilah pandangan mazhab kami (Syafieyyah) dan jumhur, sedangkan dianggap makruh oleh al-Thauri, Abu Hanifah dan sahabat-sahabatnya.”

Rujuk *al-Minhaj* (1967)

Memang, asal hukum ialah satu bahagian mewakili nama seorang sahaja. Namun, dari sudut pahala, InsyaAllah Allah akan bahagikan pahala pada syiar, pelaksanaan sunnah, dan tolong menolong atas kebaikan.

Berkata Imam al-Khatib al-Syarbini:

“Jika seseorang itu berkorban dengan membelihnya (kambing) dari dirinya dan dari keluarganya, atau dari dirinya dan orang lain bersekutu pada pahalanya, maka dibenarkan.”

Rujuk *Al-Iqna'* (2/567)

---

aya ingin bertanya tentang hukum membatalkan solat fardu disebabkan kadang-kadang apabila tengah solat anak menangis tiba-tiba dan terkadang itu tangisannya sangat teresak-esak. Jadi saya bimbang apa-apa terjadi

padanya maka saya pun membatalkan solat saya. Mohon penjelasan daripada pihak Mufti. Terima kasih.

### Ringkasan Jawapan

Haram membatalkan solat fardu kerana anak menangis selagi mana tidak sampai ke tahap yang membimbangkan tentang keselamatan si anak. Jalan terbaik ialah penjaga anak tersebut meringan dan mempercepatkan solat dengan melakukan perbuatan rukun-rukun dalam solat sahaja tanpa melakukan perkara-perkara sunat dalam solat. Namun, boleh membatalkan solat fardu sekiranya tangisan tersebut seolah-olah anak itu berada dalam bahaya.

### Huraian Jawapan

Alhamdulillah segala puji bagi Allah SWT Tuhan semesta alam, selawat serta salam ke atas junjungan teragung Nabi Muhammad SAW dan ke atas ahli keluarga serta mereka yang mengikuti jejak langkah Baginda SAW hingga ke hari Kiamat.

Dalam Islam membatalkan sesuatu amalan dengan sengaja tanpa sebab-sebab yang dibolehkan syarak adalah dilarang dan hal ini merupakan perkara yang disepakati oleh fuqaha.<sup>[1]</sup> Oleh itu, seseorang yang sedang mendirikan solat fardu, tidak boleh membatalkan solatnya melainkan jika terdapat keuzuran yang dibenarkan oleh syarak. Ini berdasarkan firman Allah SWT:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا أَطِيعُوا اللَّهَ وَأَطِيعُوا الرَّسُولَ وَلَا تُبْطِلُوا أَعْمَالَكُمْ

**Maksudnya:** “Wahai orang yang beriman! Taatlah kamu kepada Allah dan taatlah kepada Rasul Allah, dan janganlah kamu batalkan amal-amal kamu!”

Surah Muhammad (33)

Antara keuzuran yang dibenarkan syarak itu ialah seperti membunuh kala jengking, ular, menyelamatkan diri daripada bahaya atau apa sahaja yang boleh memberikan mudarat kepada diri orang yang sedang menunaikan solat. Perkara ini berdasarkan kepada hadis Nabi SAW, Abu Hurairah RA meriwayatkan bahawa Nabi SAW bersabda:

اقْتُلُوا الْأَسْوَدَيْنِ فِي الصَّلَاةِ الْحَيَّةَ وَالْعَقْرَبَ

**Maksudnya:** “Bunuhlah dua binatang hitam ketika solat iaitu ular dan kala jengking.”<sup>[2]</sup>

Riwayat Abu Daud

Dalam *Tuhfah al-Muhtaj* menyebutkan bahawa:

وَمَنْ تَلَبَّسَ بِصَوْمٍ تَطَوُّعٍ أَوْ صَلَاةٍ أَوْ غَيْرِهِمَا مِنَ النَّطَوُّعَاتِ إِلَّا النَّسُكَ، فَلَهُ قَطْعُهُمَا، لِلْخَبَرِ الصَّحِيحِ: الصَّائِمُ الْمُتَطَوُّعُ أَمِيرُ نَفْسِهِ إِنْ شَاءَ صَامَ وَإِنْ شَاءَ أَفْطَرَ ” وَقَيْسٌ بِهِ الصَّلَاةُ وَغَيْرُهَا، فَقَوْلُهُ تَعَالَى: {وَلَا تُبْطِلُوا أَعْمَالَكُمْ} مَحَلُّهُ فِي الْفَرْضِ

**Maksudnya:** Sesiapa melaksanakan puasa sunat atau solat sunat dan seumpamanya daripada amalan sunat kecuali haji, maka dia boleh membatalkannya bersandarkan kepada hadis sahih, “Seorang yang

*berpuasa sunat berkuasa terhadap dirinya sendiri, jika sekiranya dia ingin terus berpuasa atau berbuka puasa, maka dia boleh melakukan demikian.” Oleh itu, diqiaskan hal ini kepada solat dan seumpamanya. Oleh itu, firman Allah SWT, “Dan janganlah kamu batalkan amal-amal kamu, merujuk kepada ibadah yang fardu”.*<sup>[31]</sup>

Maka isu anak menangis ketika penjaganya sedang melakukan solat fardu bukan termasuk dalam perkara darurat yang membolehkan penjaganya membatalkan solat fardu melainkan jika tangisan tersebut seolah-olah boleh membahayakan nyawanya.

Oleh itu, jalan penyelesaian yang terbaik bagi situasi ini adalah dengan meringan dan mempercepatkan solat dengan melakukan perbuatan rukun-rukun solat sahaja tanpa melakukan perkara-perkara sunat dalam solat. Hal ini berdasarkan kepada hadis diriwayatkan oleh Abu Qatadah RA, bahawa Nabi SAW bersabda:

إِنِّي لَأَقُومُ إِلَى الصَّلَاةِ وَأَنَا أُرِيدُ أَنْ أُطَوِّلَ فِيهَا، فَأَسْمَعُ بُكَاءَ الصَّبِيِّ فَأَتَجَوَّزُ كَرَاهِيَةً أَنْ أَشُقَّ عَلَى أُمِّهِ

**Maksudnya:** “Ketika aku sedang solat, aku ingin memanjangkan solat. Lalu aku mendengar tangisan seorang kanak-kanak hingga menyebabkan aku memendekkan solatku kerana bimbang akan menyusahkan ibu kepada kanak-kanak tersebut.”<sup>[41]</sup>

Riwayat Abu Daud

## Kesimpulan

Umumnya, haram membatalkan solat fardu bagi penjaga kanak-kanak kerana risau keadaan anaknya yang sedang menangis melainkan jika tangisan tersebut seolah-olah boleh membahayakan nyawanya. Namun, dia boleh meringan dan mempercepatkan solat dengan melakukan rukun-rukun solat sahaja tanpa melakukan perkara-perkara sunat dalam solat. *Wallahua‘lam.*

Rujukan:

[1] Wizarah al-Auqaf wa al-Syu’un al-Islamiyyah, *al-Mausu‘ah al-Fiqhiyyah al-Kuwaitiyyah* (Mesir: Dar al-Safwah, 2012), jld. 34: hlm. 51.

قَطَعَ الْعِبَادَةَ الْوَاجِبَةَ بَعْدَ الشَّرُوعِ فِيهَا بِلَا مَسُوغٍ شَرَّعِيٍّ غَيْرِ جَائِزٍ بِاتِّفَاقِ الْفُقَهَاءِ؛ لِأَنَّ قَطْعَهَا بِلَا مَسُوغٍ شَرَّعِيٍّ عِبْتُ يَدَّافِي مَعَ حُرْمَةِ الْعِبَادَةِ

[2] Abu Daud Sulaiman bin al-Asy’ath, *Sunan Abi Daud*, ed. Muhammad Muhyi al-Din ‘Abd al-Hamid (Beirut: al-Maktabah al-‘Asriyyah, t.t.), no. hadis 921, jld. 1: hlm. 242.

[3] Ibn Hajar al-Haitami, *Tuhfah al-Muhtaj fi Syarh al-Minhaj* (Mesir: Maktabah al-Tijariyah, 1983), jld. 3: hlm. 4459-460.

[4] Abu Daud Sulaiman bin al-Asy’ath, *Sunan Abi Daud*, ed. Muhammad Muhyi al-Din ‘Abd al-Hamid, no. hadis 789, jld. 1: hlm. 209.



Ibadah korban merupakan salah satu daripada syiar-syiar Islam yang perlu dihidupkan oleh setiap umat Islam. Tambahan pula, korban merupakan sunat kifayah yang mana apabila salah seorang daripada ahli keluarga melaksanakannya maka kesemua keluarga tersebut mendapat pahala sunat korban. **[Lihat: al-Muktamad, 2/478]**. Untuk itu, di sana terdapat beberapa buah hadith yang menceritakan akan kelebihan berkorban ini. Antaranya:

- Daripada Imran RA, bahawa Nabi SAW bersabda:

يَا فَاطِمَةُ قَوْمِي فَاشْهَدِي أُضْحِيَّتَكَ، فَإِنَّهُ يُغْفَرُ لَكَ بِكُلِّ قَطْرَةٍ مِنْ دَمِهَا كُلُّ ذَنْبٍ عَمِلْتِيهِ،  
وَقَوْلِي: إِنَّ صَلَاتِي وَنُسُكِي وَمَحْيَايَ وَمَمَاتِي لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، لَا شَرِيكَ لَهُ، وَبِذَلِكَ  
أُمِرْتُ وَأَنَا أَوْلُ الْمُسْلِمِينَ، فَقَالَ عِمْرَانُ: يَا رَسُولَ اللَّهِ، هَذَا لَكَ وَلَا أَهْلَ بَيْتِكَ خَاصَّةً،  
فَأَهْلُ ذَلِكَ أَنْتُمْ، أَمْ لِلْمُسْلِمِينَ عَامَّةً؟ قَالَ: بَلَى لِلْمُسْلِمِينَ عَامَّةً

*Maksudnya: “Wahai Fatimah, bangunlah dan lihatlah korbanmu. Sesungguhnya ia mengampunkanmu kerana setiap titis daripada darahnya mewakili setiap dosa yang telah kamu lakukan. Katakanlah: “Sesungguhnya sembahyangku dan ibadahku, hidupku dan matiku, hanyalah untuk Allah, Tuhan yang memelihara dan mentadbirkan sekalian alam. Tiada sekutu bagi-Nya dan dengan yang demikian sahaja aku diperintahkan dan aku (di antara seluruh umatku) adalah orang Islam yang awal (berserah diri kepada Allah dan mematuhi perintah-Nya).” Maka telah berkata Imran: “Wahai Rasulullah, ini khusus hanya untuk kamu dan ahli keluarga kamu, kerana ahli dalam perkara ini adalah kamu (keluarga Rasulullah SAW) atau ia untuk umat Islam keseluruhannya?” Rasulullah SAW menjawab: “Bahkan, ia untuk umat Islam keseluruhannya.” [Riwayat al-Thabarani di dalam Mu’jam al-Awsath (2509)][Hadith ini dihukum dhaif oleh Ibn Mulaqqin]*

## Makna Hadith

Berdasarkan hadith di atas, kita dapat memahami bahawa antara kelebihan orang yang melaksanakan ibadah korban adalah dosanya akan diampunkan oleh Allah SWT sehingga diumpamakan dosa dengan setiap titis darah yang keluar daripada binatang korban tersebut. Di samping itu juga, hadith ini memberi isyarat bahawa sunat bagi seseorang yang melakukan korban untuk melihat sembelihannya. Akan tetapi, jika dia mampu untuk menyembelihnya dengan sendiri itu adalah lebih baik kerana terdapat hadith yang mengisyaratkan sedemikian sebagaimana hadith di atas dan ia juga diriwayatkan oleh Abi Said al-Khudri. **[Lihat: al-Muktamad, 2/488]**

## **Penutup**

Kesimpulannya, kita digalakkan untuk melaksanakan ibadah korban bagi sesiapa yang berkemampuan kerana ia merupakan salah satu daripada syiar agama yang mulia ini. Di samping itu, kita juga perlulah mempelajari sedikit sebanyak berkaitan perkara-perkara yang perlu dilakukan sebagai langkah persediaan. Semoga Allah SWT memurahkan rezeki kita agar kita dapat melaksanakan ibadah korban ini pada setiap kali tiba hari raya Aidiladha. Amin.

Wallahua'lam